

perkara-perkara yang difikirkan patut dikemukakan terutamanya apabila, sepanjang yang diketahui, Jamiyah telah mengkaji sebegitu luas akan rang undang-undang itu yang jawatankuasa kecil untuk mengkajinya itu pula terdiri bukan sahaja dari anggota¹ Jamiyah tetapi juga dari badan-badan Islam yang lain. Semolek-moleknya pindaan-pindaan, tambahan dan usul-usul dari Jamiyah itu dikaji kelak dari Jawatankuasa Kecil Badan-badan Islam yang dianjurkan oleh Jamiyah itu dan mengemukakannya dengan nama seluruh badan-badan Islam dan umat Islam Singapura – dan yang demikian bolehlah menjadi hujah bahawa seluruh umat Islam menghendaki pindaan-pindaan sebagaimana yang dikemukakan oleh mereka.

Bagi sementara, kita tidak dapat memberikan fikiran tentang kandungan rang undang-undang yang tersebut sebab kita dalam masa menulis ini belum mendapat naskhah rang undang-undang itu tetapi walau bagaimanapun suatu perkara yang mustahak dan patut diambil berat tentang adakah perbelanjaan pertadbiran Pejabat Agama yang akan ditubuhkan kelak apabila rang undang-undang itu berjalan kuat kuasanya digantungkan “*fund*” daripada harta-harta wakaf, zakat dan hasil mahsul daripada harta-harta yang akan diserahkan di dalam kawalan Majlis Agama yang ditubuhkan itu atau adakah pertadbiran itu akan mendapat perbelanjaan daripada Perbendaharaan Kerajaan sebagai suatu cawangan daripada pejabat-pejabat kerajaan sendiri dengan sepenuhnya?

Kita memandang sekiranya kebanyakan perbelanjaan diserahkan kepada pertadbiran Majlis Agama itu sendiri – dengan hanya sedikit bahagian yang diberikan kerajaan daripada perbelanjaan negara maka manfaat yang akan didapat oleh umat Islam daripada tujuan mengadakan pertadbiran itu tidak akan ada kerana mungkin segala hasil-hasil yang didapat oleh pertadbiran itu hanya akan habis di dalam perbelanjaan kakitangan.

jabatan itu sahaja – tidak dapat manfaatnya oleh seluruh umat Islam sebagaimana yang dikehendaki.

Kita berharap seluruh umat Islam bersatu padu dan berharap sangat supaya Jamiyah mengambil langkah yang pertama bagi menyatukan suara umat Islam, di dalam menghadapi rang undang-undang tersebut. Sekiranya Jamiyah “berasa segan” menjadi *combiner* perjumpaan ini, kita berharap badan-badan yang lain akan segera ke muka bagi mengumpulkan suara umat Islam supaya menjadi satu suara dalam menuntut apa-apa pindaan yang kita fikirkan yang tentu ada perkara-perkaranya yang patut difikir, dihalusi dan disemak.

* * *

Cara Berbaik-baik yang Dihajaj

Tuan Lim Kim San, Menteri Ekonomi Singapura di dalam ulasannya kepada ucapan *President* Pertama bagi Republik Singapura di Parlimen telah menyatakan bahawa keadaan hubungan semula jadi di antara Malaysia dengan Singapura memang telah lama. Tegasnya persemendaan di antara dua negara itu tidaklah akan mudah dipisahkan dengan begitu sahaja dan dengan demikian, untuk kebaikan kedua-dua pihak mestilah ada jalan rundingan berbaik-baik untuk menghubungkan ekonomi kedua negeri itu.

Ucapan ini adalah ucapan yang sememangnya dinanti-nanti oleh seluruh umat Islam Singapura kerana umat Singapura menyedari, mahu tidak mahu, sebagai sebuah negara yang kecil, Singapura mesti berbaik-baik kepada semua pihak terutama jirannya yang hampir sekali ialah Malaysia. Jiran yang rapat itulah, dengan cara berbaik akan dapat memberi pertolongan dan bantuan kepada ekonomi Singapura lebih dahulu daripada orang lain. Dengan kerana itu memandang bahawa ucapan Tuan Lim Kim San ialah

¹ Perkataan sebenar ialah anggota.